



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMK 422 –KESUSASTERAAN KANAK-KANAK DAN REMAJA

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan.

1. (a) Pada pendapat anda, adakah semua kanak-kanak atau remaja memberontak apabila keinginan mereka tidak dipenuhi? (Jawapan perlu merujuk kepada pemerhatian anda).

ATAU

- (b) Berdasarkan sebuah novel yang bukan teks wajib kursus ini, bincangkan unsur pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang.

(25 markah)

2. Kisah yang termuat dalam novel *Kelisa* karya Nordin Saad, adalah kisah masyarakat. Sebagai seorang dewasa, apakah yang akan anda lakukan terhadap perlakuan watak Shahul? (Perbincangan perlu merujuk kepada peristiwa yang termuat dalam novel *Kelisa*).

(25 markah)

3. Keluarga Sufian dalam novel *Menyisih Awan Kelabu* karya Osman Ayub mewakili kehidupan keluarga pincang dalam masyarakat. Bahaskan kenyataan ini dengan merujuk peristiwa yang relevan yang terdapat dalam novel tersebut.

(25 markah)

4. Zaharah Nawawi adalah antara pengarang yang menjadikan kanak-kanak sebagai subjek dalam karya beliau. Dengan merujuk beberapa cerpen dalam Kumpulan Cerpen *Komputer Baru Untuk Mama*, bincangkan tingkah laku kanak-kanak yang menarik perhatian.

(25 markah)

5. Dengan merujuk novel *Kanak-Kanak Berat Sama dipikul* dan *Kenduri Berkhatan* karya Muhamad bin Harun, bincangkan ciri-ciri sastera kanak-kanak yang telah diterapkan oleh pengarang.

(25 markah)

6. Berdasarkan novel *Kenyir* dan novel *Kembara*, karya Ali Jusoh, bincangkan pengajaran yang ingin disampaikan kepada remaja dan juga pendidik.

(25 markah)